



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 44

RABU IHB. NOBEMBER, 1978.

رابعو 30 ذوالقعدة 1398

PERCHUMA

Peluang untuk masuk sekolah menengah K'jaan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Pelajaran Brunei mempelawa permohonan untuk di-pertimbangkan bagi memasoki sekolah menengah Inggeris Kerajaan tahun depan. Pemohon mesti-lah telah belajar aliran Inggeris sekurang2nya sejak Primary IV atau telah genap tiga tahun ia belajar di-sekolah Private bagi melayakan diri untuk masuk ka-sekolah Menengah Inggeris Kerajaan. Sa-tiap pemohon juga mesti-lah mempunyai kemajuan pelajaran yang baik sa-chara am-nya dan mempunyai kelulusan di-perengkat persekolahan yang berkenaan serta tidak mengulang pada sebarang tingkatan yang di-pohonkan.

Pemohon yang berjaya terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak akan dikenakan bayaran sekolah sementara yang bukan rakyat Brunei akan dikenakan bayaran tiap2 bulan dan juga bayaran peperiksaan.

Bagi pemohon yang memohon ka-Tingkatan I, mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (P.C.E.). Pemohonan akan di-buka sa-telah diketahui keputusan peperiksaan P.C.E. 1978 dan akan di-tutup sa-lepas dua minggu dari tarikh keputusan peperiksaan tersebut di-umumkan.

Bagi permohonan ka-Tingkatan II, III dan V, sa-tiap pemohon mesti-lah lulus peperiksaan sekolah di-Tingkatan I atau II atau IV masing2 dan bagi permohonan masuk ka-Tingkatan V mesti-lah juga mempunyai kelulusan Brunei Junior Certificate of Education atau yang sa-banding atau mengikut syarat2 naik ka-Tingkatan V yang di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran.

Pemohonan ka-Tingkatan2 ini akan di-buka sa-telah keputusan peperiksaan sekolah di-ketahui dan akan di-tutup pada 18hb Disember, 1978.

Lihat muka 16

KAIN YANG BERTULIS DGN AYAT2 AL-KOR'AN TIDAK BOLEH DI-BUAT PAKAIAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei mengingatkan orang ramai terutamanya umat Islam di-negeri ini, tentang ada-nya suatu chara berterang-terangan menghina dan mempermain-mainkan Al-Kor'an dan Ugama Islam.

Dalam satu kenyataan yang di-terbitkan pada minggu lalu, chara itu ialah dengan menulis potongan2 ayat suci Al-Kor'an di atas kain2 untuk di-buat

baju atau kain sarong dan lain2 lagi.

Menurut fatwa Mufti Kerajaan Brunei, perbuatan saperti itu ada-lah menghina dan menyenda2kan perkara yang di-pandang mulia di-sisi Allah, Rasul-Nya dan Ugama Islam.

Kenyataan itu menambatkan, kain yang di-ukir dengan ayat2 suci Al-Kor'an dan Zikir2 Allah itu apabila di-jadikan pakaian akan berlumur dengan kekotoran dan lain2 keadaan yang menghina dan meren-

dah2kan ayat Al-Kor'an dan Zikir Allah.

Hukum perbuatan demikian, tambah kenyataan itu, jika ia-nya di-lakukan oleh orang Islam ia-lah murtad dan keluar dari Ugama Islam.

Kenyataan itu sa-terusnya mengingatkan orang2 Islam di-negeri ini khususnya dan orang ramai umom-nya supaya tidak akan membeli serta menjadikan kain2 sa-umpama itu sa-bagai pakaian mereka.



Penuntut2 menghadapi peperiksaan

PEPERIKSAAN Brunei Junior Certificate of Education — BJCE dan Sijil Rendah Pelajaran Brunei — SRPB telah di-mulakan pada hari Isnin minggu ini. Lebih dari 3,000 orang calon sekolah, Kelas2 Dewasa dan persendirian di-seluruh negeri menduduki peperiksaan2 tersebut. Dari jumlah itu, lebih dari 2,300 orang calon menduduki

peperiksaan BJCE dan yang lain-nya menduduki peperiksaan SRPB.

Peperiksaan2 tersebut di-jalankan di-19 buah pusat peperiksaan di-seluruh negeri dan akan berakhir pada 4hb Nobember ini.

Pada tahun lalu sa-ramai 3,637 orang calon telah menduduki peperiksaan tersebut — 2,946 orang mengambil peperiksaan BJCE

dan 691 menduduki peperiksaan SRPB. Dari jumlah tersebut sa-ramai 1,056 orang telah lulus peperiksaan BJCE dan 363 lulus dalam peperiksaan SRPB.

Gambar atas menunjukan penuntut2 dari sekolah2 di-sekitar Bandar Seri Begawan sedang menjalani peperiksaan tersebut di-Dewan Sekolah Menengah Melayu SMJA.

Penuntut2 Sekolah Pertukangan tunjuk kemahiran

JALAN MUARA.—Penuntut2 Sekolah Pertukangan Sultan Saiful Rizal di-Jalan Muara akan memperlihatkan bakat dan kebolehan mereka dalam berbagai ilmu pertukangan be-naan ketika sekolah itu mengadakan hari terbuka pada 7hb Nobember ini, sempena sambutan Hari Pelajar tahun ini.

Hari terbuka itu akan berlangsung dari pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang dan pada hari itu perkhidmatan bas per-chuma akan di-sediakan untuk memudahkan orang ramai mengunjunginya. Bas2 itu akan menunggu di-beberapa tempat di-Bandar Seri Begawan ia-itu di-hadapan bangunan J.K.R. dan di-hadapan bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga bas biru Jabatan Pelajaran dengan poster Hari Terbuka.

Berbagai pertunjukan yang menarik dan memperlihatkan kecekapan dan kemahiran pelajar2 di-bidang seni pembena-an akan merupakan intisari hari terbuka sekolah itu.

Orang ramai akan berpeluang mengunjung Bengkel Pertukangan Tangan yang akan memperlihatkan contoh2 bangunan, seni bertukang kayu,

Lihat muka 16



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

IHB NOBEMBER, 1978

TINGKAT KEMAKMORAN YANG LEBEH TINGGI

KEJAYAAN Brunei mencapai kelebihan dalam imbalan bayaran yang di-perolehi dari hasil perdagangan antarabangsa di-sepanjang jangka waktu enam bulan pertama tahun ini, jelas memperlihatkan bahawa negara dan kerajaan begitu mampu untuk meningkatkan kemakmoran yang sedia ada kepada lebih baik lagi dari sa-tahun ka-setahun tanpa aral dan gundala-nya.

Kemampuan yang di-perlihatkan itu juga bermakna kerajaan menerusi kebijaksanaan dari tenaga2 yang di-pertanggung-jawabkan di-dalam-nya, benar2 mengutamakan kepentingan raayat dan keperluan negara yang sa-bahagian besar-nya di-dorong oleh jaminan yang sedia ada dari segi keutuhan keselamatan yang sentiasa terjamin.

Pun demikian dengan kejayaan itu juga, memang wajar raayat dan penduduk negeri ini sangat2 berterima kasih kepada kebijaksanaan pimpinan Kerajaan Baginda kerana ia-nya dapat meletakkan nilai mata wang negara kita begitu terjamin dan kukuh di-pertukaran luar sejajar dengan nilai mata wang asing yang kita perolehi dari perdagangan antarabangsa itu.

Dengan kukukhan itu, kebimbangan tidak begitu menguasai kita sekalipun keadaan dunia ketika ini begitu tenat dengan keriuhan inflasi yang mengancam dunia perdagangan antarabangsa sa-hingga mengakibatkan turun naik beberapa nilai mata wang asing yang menjadi pertukaran utama perdagangan dunia.

Kestabilan nilai mata wang kita di-perdagangan dunia itu jelas jaminan yang kita perolehi dari kelebihan imbalan bayaran perdagangan antarabangsa yang semakin meningkat. Pada tahun 1977 nilai impot yang kita lakukan dengan pengaliran jumlah mata wang kita keluar negeri berjumlah \$322 juta sedangkan pengaliran masuk jumlah mata wang asing dari hasil eksport ia-lah \$1,746 juta (melebihi \$1,424 juta dari impot).

Ini bermakna walaupun negara kita sa-bagai sa-buah negara yang maseh memerlukan bekalan beberapa jenis barangan luar negeri namun kita memperoleh kelebihan dagang yang hampir kepada 4½ kali ganda dari jumlah yang kita belanjakan.

Kelebihan yang berlipat ganda juga tetap kita perolehi juga tahun ini di-samping kita berjaya mengurangkan jumlah impot berbanding dengan tahun 1977.

Nilai impot tahun ini di-chatetkan sa-bagai berjumlah sa-banyak \$301 juta (kurang \$21 juta dari tahun 1977), manakala nilai eksport berjumlah \$2,060 juta (lebih \$314 juta dari tahun 1977) dengan kelebihan imbalan bayaran sa-banyak \$1,759 juta ia-itu berlembaban sa-banyak \$335 juta dari nilai tahun lalu.

Tidak shak lagi kelebihan yang kita perolehi itu ada-lah berpuncha dari hasil eksport Gas Chechair Asli yang negara kita juga merupakan salah sa-buah pembekal utama di-pasaran dunia terutama di-Jepun dengan nilai sa-banyak \$675 juta (lebih \$328 juta dari tahun lalu) dan nilai eksport dari lain2 hasil minyak mentah berjumlah \$81 juta (lebih \$32 juta dari 1977), sementara nilai eksport dari minyak mentah berkurangan sedikit sa-banyak 3.9 peratus dari tahun lalu ia-itu \$1,279 juta sahaja tahun ini.

Mudah2an dari apa yang telah kita perolehi itu hendak-nya raayat dan penduduk negeri ini tidak begitu mudah mengorak senyum kemenangan tanpa memikirkan bahawa di-sebalek kemenangan itu sesungguhnya tersembunyi kegagalan yang sentiasa mengintai2.

Hendak-nya-lah kejayaan itu akan kita jadikan sa-bagai suatu perisai yang maha kebal pada menghadapi malang yang tidak berbau, kerana dari semua jumlah impot yang kita lakukan kebanyakan-nya ada-lah merupakan barangan utama yang perlu di-isi dan di-atasi.



GAMBAR atas menunjukkan Pengarah Perjawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib (kanan) sedang menyampaikan sijil kepada Pg Ibrahim bin Pengiran Jaya Petra Pg Haji Ahmad, salah sa-orang peserta yang mengikuti Kursus Perkhidmatan Kepada Awam yang telah di-adakan sa-lama dua hari pada 25hb Oktober yang lalu.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan dan telah di-hadiri oleh 18 orang peserta dari sembilan buah jabatan.

Jadual lawatan dokter udara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan telah pun menyusun jadual lawatan rombongan perkhidmatan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ka-kampung2 pendalaman di-tiga daerah negeri ini bagi bulan Nobember ini.

Menurut jadual yang telah di-atorkan, rombongan tersebut akan melawat 14 buah kampung untuk memberikan perkhidmatan perubatan kepada pesakit2 dan ibu2 yang mengandong.

Rombongan tersebut akan melawat enam buah kampung di-Daerah Tutong, lima di-Daerah Belait dan tiga di-Daerah Temburong.

Kampung2 di-Daerah Tutong yang akan di-lawati oleh rombongan tersebut ia-lah Kampung Bukit pada hari ini 1hb Nobember, Kampung Benutan pada 8hb Nobember, Kampung Panchong pada 20hb Nobember, Kampung Ukong pada 21hb Nobember, Kampung Belabau pada 27hb Nobember dan Supon Besar pada 29hb Nobember.

Rombongan tersebut akan berada di-Kampung2 Baran dan Teraja di-ulu Belait pada 6hb Nobember. Lain2 kampung di-Daerah Belait yang akan di-lawati ia-lah Kampung Buau pada 7hb Nobember, Kampung Sukang pada 22hb Nobember dan Kampung Melilas pada 28hb Nobember.

Rombongan tersebut akan melawat ka-kampung Daerah Temburong pada 14hb Nobember di-Kampung Lopat, 15hb Nobember di-Kampung2 Biang Mene-ngh dan Lamaling.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 26hb Oktober, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. BAWANG MERAH — \$1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
(b) Suom Huat, No. 28, Jalan Sultan.
2. SAYOR PUCHOK (FOO LUNG CHING KEE CO.) — \$4.60 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
3. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Tan Eng Huat, No. 111, Bangunan Guru2 Melayu.
(b) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.

KUALA BELAIT

1. BAWANG MERAH — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
(b) Fah Sen Company, No. 27, Jalan Pretty.
(c) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty.
(d) Chop Hwa Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.
(e) Sharikat M. Haji, No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.

2. SAYOR PUCHOK (FOO LUNG CHING KEE CO.) — \$4.60 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Choo Seng, No. 20, Jalan Pretty.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Guan Heng, No. 30-C, Jalan Pretty.
(b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
(c) Hwa Mee, Bangunan Foo Chow.

SERIA

1. BAWANG MERAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
(b) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
2. SAYOR PUCHOK (FOO LUNG CHING KEE CO.) — \$4.60 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Choo Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
3. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
(a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
(b) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
(c) Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
(d) Soon Kheng, No. 50-B, Jalan Bunga Kuning.
(e) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 1hb hingga 7hb Nob. 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Dato Gandhi	1.11.1978	Rabu	8.30- 9.00 pagi
Sekolah Melayu Serasa	1.11.1978	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	1.11.1978	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	1.11.1978	Rabu	11.30-12.00 T-Hari
Kawasan Rumah Ketua Kampung, Serasa	2.11.1978	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampung, Mesjid Lama, Muara	2.11.1978	Khamis	4.30- 5.30 "
Kawasan Mesjid, Kampung Sengkunong	4.11.1978	Sabtu	2.00- 3.00 "
Sekolah Melayu Orang Kaye Setia Bakti, Kilanas	4.11.1978	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	4.11.1978	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	6.11.1978	Isnin	3.00- 4.00 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	6.11.1978	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	7.11.1978	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	7.11.1978	Selasa	10.30-11.30 "



HEALTH WEEK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Clean-up campaigns, seminars on food hygiene and breast feeding promotion campaign marked

Health Week throughout the State last week.

The clean-up campaigns here were spearheaded by staff from the Medical and Health Department, Municipal Board, Welfare, Youth and Sports Department, District Office, youth representatives, students and others.

The campaigns were carried out at, among others, the fish and vegetable markets, Kampong Ayer, the Omar Ali Saifuddin Mosque's lagoon, tamu area and open air food stalls.

The breast feeding promotion campaign included talks on the advantages of mother's milk and the presentation of prizes to ten mothers from the Belait District, who have been breast feeding their babies for the first six months.

The seminars on food hygiene took place at the Churchill Memorial lecture hall here.

In Tutong, the District Officer, Awang Haji Yahya bin Haji Harris, led hundreds of people in a clean-up campaign around the town and nearby areas.

In Kuala Belait, staff of the Suri Seri Begawan hospital, Municipal Board, stall holders and shopkeepers joined hands to clean up the hospital, markets and streets.

Dato Ahmad School wins debate

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Dato Ahmad English Preparatory School in the Brunei Muara District last week won both the boys' and girls' sections in the debating contest among English Preparatory Schools in the State.

The school beat three others in the finals held at the Pehin Dato Jamil Primary Malay School in the Kampong Ayer here.

The Perdana Wazir English School from Kuala Belait and the Keriam English Preparatory school from the Tutong District were runners-up in the boys' and girls' sections respectively.

A Field Officer with the Agriculture Department, Awang Arif bin Haji Bolhassan (squatting with back to camera) explains the correct ways of planting watermelon to some of the four hundred farmers who turned up at the recent 'Field Day' held at Kampong Rambai in the Tutong District.

The 'Field Day' was jointly organised by the Agriculture Department and the Kampong Rambai Farmers Association and designed to show the farmers from ten kampongs in the area the latest farming techniques.

Other agricultural officers including the 'Field Day' chairman, Awang Salleh bin Omar, briefed them on padi, vegetables, maize, watermelon and pepper.

'Field Days' were also held in Kampong Rimba, Gadong and Kampong Kapok, Muara.

Farmers from nine kampongs were invited to see the Rimba and Kapok vegetable farms.

Awang Mohammad bin Sabtu, a Junior Agriculture Assistant, is seen in the picture on the left showing these ladies a vegetable farm in Kampong Rimba.

Poppy Day

BANDAR SERI BEGAWAN. — This year's Poppy Day will be observed in the State from November 8 to 10.

The usual collections will be made during this period and members of the public are urged to donate generously.

How to serve the public course

BANDAR SERI BEGAWAN. — Eighteen officers from the Immigration, Customs, Postal and Medical and Health departments last week attended a two-day course aimed at teaching them to serve the public better.

Known as the Service to Public Course, it was organised by the Establishment Department and its director Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohammad Taib presented certificates to the participants at the end of the course.

During the course, the participants attended lectures, took part in discussions and were taught how to overcome grievances from the public.

Modern teaching aid such as film demonstration and video tapes were used.

A CAREER AS AN ENGINEERING TRADESMAN WITH RBMR

BERAKAS. — As new modern weapon systems are brought into service, the Royal Brunei Malay Regiment urgently requires recruits suitable for training as engineering tradesmen.

The recruits will receive academic and equipment training in Brunei, Singapore or the United Kingdom.

On completion of their training they will be responsible for the maintenance and repair of the many complex fighting equipment — helicopter, missile patrol boats, armoured vehicles, anti-aircraft missile systems, field guns — currently in service or coming into service with

the RBMR.

In recognition of their higher skills they will be paid special tradesmen rates of pay according to their trade standards.

In addition they will be entitled to all the normal allowances and benefits for soldiers serving in the RBMR such as ration allowance, living out allowance etc.

Applicants must be subjects of His Highness the Sultan, between 17½ and 25 years old and belonging to one of the indigenous Malay Race namely Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut and Tutong.

The academic standards

for Technician Trades (Marine Artificer, Radio and Radar Technicians, Aircraft Technicians etc) are passes at Brunei Cambridge Ordinary level in Mathematics, Physics or General Science and English.

For Artisan Trades (Vehicle Mechanics, Armourers, Aircraft Mechanics etc) the applicants should have Brunei Junior Certificate of Education passes including Mathematics, Science and English.

However, applicants who do not have some or all of the above academic qualifications but who are in English medium Form Three or above, and who show keenness and aptitude for training as engineering tradesmen, will be given academic instruction to the required standard within the Training Centre RBMR, after the completion of fourteen weeks recruit training.

Applications should be made in forms available from The Force Recruiting Officer, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp or Telephone 23531 Ext 01 or 02.

English language exams

Correction

IN last week's PELITA the figure \$2,026 million in Para One should read B\$2,060 million and the figure B\$332 million in Para Two should read B\$322 million. — Editor.

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Adult Section of the Education Department last week organised English Language Oral Examinations for adult class students in Primary two, four, six and Forms One and Two.

The examinations were held at the thirty-two centres in the State for three days from Tuesday.

Written examinations in the same subject will also be held for three days starting next Tuesday at the same venues throughout the State.



Ketua Penchadang — Maktab SOAS Junior (atas) dan ketua Pembahas — Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan ketika memberikan hujjah2 mereka dalam peraduan tersebut.



BAHAS PERENGKAT AKHIR

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Peraduan Bahas Peringkat Akhir antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 sa-negeri Brunei Kali ka-8 telah berlangsung di-Dewan Raya RTB di-sini Sabtu lalu.

Peraduan bagi penuntut2 menengah Atas yang berlangsung di-sa-belah pagi, bahagian lelaki telah di-menangi oleh Pusat Tingkatan Enam sa-telah menewaskan Sekolah Inggeris Berakas. Maktab S.O.A.S. Senior pula telah berjaya menyandang johan dalam bahagian perempuan sa-telah menewaskan Pusat Tingkatan Enam.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Ketua Yunit Peranchang, Kajian dan Bimbingan Jabatan Pelajaran, Dayang Misli bte Haji Awang.

Dalam peraduan bahas bahagian Sekolah2 Menengah Bawah yang berlangsung di-tempat yang sama di-sa-belah petang-nya bahagian lelaki telah di-menangi oleh Maktab S.O.A.S. (Junior) sa-telah menewaskan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara.

Johan dalam bahagian perempuan telah di-sandang oleh Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong, dengan menewaskan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Hadiah kepada pemenang dalam peraduan ini telah di-sampaikan oleh Pengetua Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Dayang Azizah bte Dato Haji Abdullah.

Peraduan yang merupakan projek tahunan Jabatan Pelajaran itu ada-lah di-anjarkan oleh Bahagian Kesenian Jabatan tersebut.



Penyampaian hadiah kepada pemenang yang di-sampaikan oleh Pengetua MMPSBS, Dayang Azizah binte Dato Haji Abdullah.



BERSEH KAWASAN DI-AKHIR MINGGU KESIHATAN



GAMBAR kelihatan longgokan dan serakan sampah sarap yang di-buang di-sekitar Tambing berhadapan Bangunan Ibunda Jaya sedang di-bersehan oleh sukarela2 kebershan yang menjayakan bersama Minggu Kesihatan.



LAGI kawasan lagon masjid yang di-tumohi oleh rumput-rampai dan himpunan sampah sarap sedang giat di-bersehan oleh sukarela kebershan yang terdiri dari belia2 dalam gambar ini.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih banyak lagi kerja2 membersehan kawasan telah di-jalankan pada pagi Ahad yang baru lalu di-beberapa tempat di-sekitar ibu negeri sempena berakhir-nya Minggu Kesihatan yang telah di-lancarkan sejak 22hb Oktober lepas.

Minggu Kesihatan yang telah di-anjarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah mendapat sambutan dari sa-genap lapisan masyarakat termasuk badan2 belia, kebajikan, Jabatan2 Kerajaan yang lain dan orang ramai dengan tujuan menjaga kebershan dari penchemaran sekitar.

Sa-banyak tiga kawasan telah di-banjiri oleh belia2, orang2 kampung dan kakitangan Jabatan Bomba, Perubatan dan Kesihatan dan Lembaga Bandaran di-ibu negeri dalam gerakan pembersehan yang baru lalu itu.

Pembersehan2 telah di-jalankan di-kawasan sekitar lagon Masjid Omar Ali Saifuddin dan kampung2 berdekatan, kawasan Tambing berhadapan Bangunan Ibunda Jaya dan kampung sekitar-nya serta kawasan Gerai Makan di-Jalan Subok.



MEMBERSEHKAN kolam ayer panchut yang di-bena di-kawasan Gerai Makan di-Jalan Subok juga tidak ketinggalan di-usahkan oleh belia2 ini.



RUMPUT-RAMPAI yang tumbuh-nya terbiar di-kawasan lagon Masjid Omar Ali Saifuddin berdekatan dengan Kampung Sumbiling seperti kelihatan dalam gambar di-atas menjadi tumpuan gerakan membersehan pada Ahad lepas itu.

UGAMA Islam ada-lah agama kemanusiaan dan persaudaraan. Maka sepatunya-lah sa-seorang muslim tentu tidak akan rela senang sendiri, pada hal di-sekeliling-nya maseh ada berkecilan orang2 lain yang menderita menanggung kesusahan. Kesedaran dan keinsafan, yang mana tidak rela melihat orang lain terumbang-ambing dengan penderitaan dan kepayahan ini, timbul kerana ia mempunyai fikiran yang waras dan bernas serta tidak penyampai hati, sehinggakan tidak rela senang sendiri. Telah terfikir oleh-nya betapa sengsara dan menderita-nya orang2 yang kurang bernasib baik itu.

itu nanti tentu-nya serba sedikit akan dapat mengurangkan penderitaan yang sedang di-tanggung oleh orang2 yang kurang bernasib baik itu. Walaupun pertolongan itu yang berupa pengorbanan yang kecil, tetapi bagi-nya adalah besar erti-nya. Ini-lah yang di-katakan yang berat sama di-pikul dan yang ringan pula akan sama di-jinjing.

Pepatah ada mengatakan, 'sa-berat2 mata memandang berat lagi bahu memikul'. Hakikat ini memang-nya benar dan telah

di-akui. Kita hanya chuma dapat menilai pahit maong yang sedang di-deritai oleh sa-seorang itu. Tapi apa yang sa-benar-nya terjadi terhadap diri-nya ada-lah lebeh berat dan sengsara lagi. Kalau sudah begini laku-nya tentu-nya kita tidak akan sampai hati untuk membiarkan mereka yang kurang bernasib baik itu terlonta-lonta mengharapkan belas dari yang sudi.

Kalau-lah kita chuma ingin menjaga kepentingan sendiri saja tanpa menghiraukan hal-chwal orang lain, tentu-nya orang lain akan menjauhkan diri dari

kita. Ini-lah akibat chuma mementingkan diri sendiri saja. Pada hal kita di-suruh untuk saling bantu membantu antara satu dengan yang lain, agar dengan itu terbena-lah suatu masyarakat yang kukuh bersatu-padu. Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang di-riwayatkan oleh Shaikh yang bermaksud kira2: "Perumpamaan orang2 mukmin dengan mukmin yang lain ada-lah seperti sa-buah bangunan yang menegoh setengah akan setengah-nya". Hadith ini mengambarkapada kita betapa kekuatan orang2 mukmin.

Meraka bersatu-padu seperti sa-buah bangunan yang tegoh. Tiap2 sa-seorang anggota dari golongan masyarakat ada-lah bertanggung-jawab untuk membangun sa-buah masyarakat yang kuat dan mulia. Pertolongan dan bantuan yang datang dari anggota masyarakat untuk membaiki taraf hidup sa-seorang anggota yang lain yang di-anggap perlu dan penting bagi menjamin kestabilan masyarakat itu sendiri. Sekira-nya satu anggota runtuh, maka akan roboh-lah masyarakat itu seluruh-nya.

Dengan gambaran hadith tadi dapat-lah kita mengambil gambaran yang jelas, betapa penting-nya sikap ingin memperdulikan orang lain. Kalau sa-seorang itu berada di-dalam keadaan kesusahan dan kedukacitaan tentu-nya kita tidak akan rela membiarkan-nya dengan begitu saja, sehinggakan apa yang di-tanggong-nya itu sa-hari demi sa-hari akan kian bertambah berat. Ini-lah suatu sikap yang patut di-tanamkan di-setiap sanubari kita. Mungkin hari ini ada-lah hari dia, tetapi mungkin esok atau hari2 berikutnya ada-lah hari kita pula.

Meraka bersatu-padu seperti sa-buah bangunan yang tegoh. Tiap2 sa-seorang anggota dari golongan masyarakat ada-lah bertanggung-jawab untuk membangun sa-buah masyarakat yang kuat dan mulia. Pertolongan dan bantuan yang datang dari anggota masyarakat untuk membaiki taraf hidup sa-seorang anggota yang lain yang di-anggap perlu dan penting bagi menjamin kestabilan masyarakat itu sendiri. Sekira-nya satu anggota runtuh, maka akan roboh-lah masyarakat itu seluruh-nya.

Meraka bersatu-padu seperti sa-buah bangunan yang tegoh. Tiap2 sa-seorang anggota dari golongan masyarakat ada-lah bertanggung-jawab untuk membangun sa-buah masyarakat yang kuat dan mulia. Pertolongan dan bantuan yang datang dari anggota masyarakat untuk membaiki taraf hidup sa-seorang anggota yang lain yang di-anggap perlu dan penting bagi menjamin kestabilan masyarakat itu sendiri. Sekira-nya satu anggota runtuh, maka akan roboh-lah masyarakat itu seluruh-nya.

TOLONG - MENOLONG DALAM MENEGAKKAN MASHARAKAT MUKMIN

Bingkisan minggu ini

PEKAN TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Awg Hj Yahya bin Hj Harris mengingatkan penuntut2 di-negeri ini supaya melengkapkan diri masing2 dengan disiplin yang sempurna di-samping mempunyai pengetahuan yang tinggi.

Kata-nya, dalam arus negara kita menempoh kemajuan dan perkembangan bagi menyesuaikan kehendak zaman-nya, ia-nya memerlukan tenaga raayat yang berilmu pengetahuan tinggi bagi memenuhi keperluan bangsa dan negara. Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan peradu-

Lengkapkan Diri Dengan Disiplin

an akhir bahas dalam bahasa Inggeris bagi sekolah2 menengah atas seluruh negeri di-dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-sini pada Khamis, 26hb Oktober lepas, Awg Hj Yahya menekankan, ada-lah menjadi tanggung-jawab raayat khas-nya pelajar2 supaya akan terus belajar dengan menggunakan segala kemudahan yang di-

berikan oleh kerajaan dalam hasrat membekalkan raayat negeri ini berilmu pengetahuan yang sa-chukup-nya.

"Kita mesti-lah juga melengkapkan diri kita dengan disiplin2 yang sempurna sesuai dengan keperibadian bangsa dan negara kita, sabagai sa-buah negara yang terletak di-sa-belah timur dan dalam lingkungan alam Melayu, dan lebeh2 lagi bangsa kita Brunei ada-lah bangsa yang penoh dengan adat kesopanan yang diwarithi turun-temurun", jelas Awg Hj Yahya.

Menyentuh tujuan peraduan itu di-anjorkan sabagai melatoh penuntut2 supaya berani berchakap di-khalayak ramai. Awg Hj Yahya meneingatkan lagi, supaya mereka akan sentiasa berwaspada dan berhati2 dalam menghuraikan pendapat masing2.

Peraduan perengkat akhir yang di-anjorkan oleh Bahagian Latchan Kesenian, Jabatan Pelajaran itu telah di-sertai oleh tiga buah sekolah menengah yang berjaya di-beberapa peraduan perengkat awal, sa-paroh dan tiga suku akhir yang bermula 5hb Oktober lepas.

Sekolah St Andrew's, di-Bandar Seri Begawan telah berjaya menjadi johan peraduan dalam bahagian lelaki dengan mengalahkan Sekolah St Margaret's Seria, manakala dalam bahagian perempuan pula johan di-sandang oleh STPRI dan naib johan Sekolah St Andrew's.

Hadiah2 telah di-sampai-kan oleh Awg Abd Jalil bin Hj Abdul Rahman, sa-



PESERTA dari Maktab SOAS (J) kelihatan menjulang Oskar Kejohanan sa-telah pasokan maktab itu munchol sabagai johan dalam Peraduan bahas bagi Sekolah2 Menengah Bawah, sementara gambar bawah kelihatan peserta2 dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah yang telah menjadi johan dalam bahagian perempuan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1hb November, 1978 hingga ka-hari Selasa 7hb November, 1978 ada-lah seperti di-bawah ini : —


Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
1hb Nob.	12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05	
2hb Nob.	12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05	
3hb Nob.	12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05	
4hb Nob.	12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05	
5hb Nob.	12.10	3.28	6.07	7.21	4.33	4.48	6.05	
6hb Nob.	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06	
7hb Nob.	12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



SEKOLAH2 yang berjaya menjadi johan dalam Peraduan Bahas bagi Sekolah2 Menengah Atas yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah. Gambar atas pasukan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan pasukan Sekolah St Andrew's (bawah).



orang pegawai di-Jabatan Pelajaran.

Terdahulu dari itu, peraduan dalam bahasa Inggeris di-perengkat menengah bawah pula telah juga di-langsungkan di-dewan Sekolah Menengah SMJA di-Bandar Seri Begawan pada hari Rabu, 25hb Oktober yang lalu.

Dalam perengkat ini johan peraduan di-gondol

oleh Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan naib johan STPRI dalam bahagian perempuan manakala bahagian lelaki Maktab SOAS (J) berjaya mengalahkan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah.

Hadiah2 dan oskar rebutan telah di-sampaikan oleh Awg Hisham bin Hj Md Sum, Pengetua Sekolah Menengah SMJA.



Mohd Roslan bin Abdullah

UKONG anak Suring yang berasal dari puak Iban dari Kampong Biang Menengah, Temburong, minggu lalu telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awg Abd Mokti bin Md Daud, sa-orang pegawai di-Pejabat Ugama.

Ukong (gambar atas) berusia 19 tahun telah memeluk Islam di-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri dengan memilih nama Islam-nya sabagai Mohd Roslan bin Abdullah.

KEMPEN PEMBERIAN SUSU IBU DAPAT SAMBUTAN



Dayang Zaiton binte Hassan

"BAGI pehak ibu2 yang tinggal di-Kampung Ayer, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, melalui Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei, kerana mengambil berat mengenai kesihatan kanak2 dan ibu2 bukan saja di-sekitar Kampung Ayer malah di-seluruh negeri." Demikian antara lain telah di-nyatakan oleh wakil ibu2 Kam-

pong Ayer, Dayang Zaiton binte Hassan, di-satu majlis menyampaikan hadiah kenang2an kepada ibu2 dalam kempen pemberian susu ibu kepada kanak2, sempena Minggu Kesihatan, di-Klinik Kampong Saba, Khamis lepas.

Minggu Kesihatan yang telah di-langsungkan sejak 23hb hingga 28hb Oktober yang baru lalu itu meyakinkan kepada kita sekalian betapa penting-nya kesihatan perlu di-kuasai oleh sa-tiap generasi baik di-bandar, luar bandar atau di-kampung2. Pepatah ada mengatakan "Otak yang chergas itu berada di-badan yang sihat".

Mengenai dengan pemberian susu ibu, kanak2 yang menyusu dada itu bukan hanya sa-takat menerima makanan yang saimbang tetapi sa-bagai tambahan ia-nya menerima dari ibu-nya faktor2 pencegah penyakit yang mengawal kanak2 dari berbagai penyakit.

Sa-ramai 108 orang ibu2 telah menerima chenderamata dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan. Lebih 2,000 keluarga ibu2 yang memberikan susu dada di-Kampung Ayer yang melibatkan lebih 16,000 kanak2.



IBU2 dan anak2 mereka sedang menunggu giliran masing2 untuk menerima hadiah kenang2an dalam kempen memberikan susu ibu yang telah di-langsungkan di-Klinik Sengkuring, Khamis lepas, sempena Minggu Kesihatan. Sementara gambar sebelah kanan kelihatan Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan Brunei, Dr. P. Durayappah, sedang menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang ibu di-Klinik Kampong Saba.

PERATUS ibu2 yang menyusukan anak2-nya telah meningkat dalam masa beberapa tahun yang lalu. Dan ketahuilah bahawa susu ibu itu adalah susu yang lebih baik untuk kanak2 dan tidak boleh di-tukar-ganti khasiat-nya dengan mana2 susu tepong!

Susu ibu lebih selamat dan ekonomik

PEMBERIAN susu ibu kepada anak2 itu lebih selamat dan juga ekonomik. Kempen pemberian susu ibu itu patut di-amalkan oleh para ibu bukan sahaja sa-waktu kempen ini malah di-praktikan pada bila2 masa, ujar Dayang Zaleha binte Hamzah, gambar sebelah nombor dua dari kiri, ketika di-minta pendapat-nya mengenai kempen pemberian susu ibu itu.

Tambah-nya, usaha pehak berkuasa pada menvempornakan tugas-nya terhadap kesihatan ibu2 dan anak2 sa-lama ini, patut di-beri perhatian oleh ibu2 khusus-nya dan penduduk di-Negeri Brunei ini, am-nva.

Dayang Mariam binte Abd Rahman (gambar sebelah paling kiri) mengemukakan shukor atas perhatian pehak berkuasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, terhadap kesihatan ibu2 dan anak2 sa-lama ini. Beliau berharap usaha yang berkebakikan ini akan diteruskan.



GAMBAR atas kelihatan Dayang Salmah binte Haji Morshidi, isteri Pegawai Daerah Tutong, sedang menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang ibu di-Pekan Tutong sementara bawah Ketua Penyelia Jururawat, Dayang Habibah binte Haji Husain menyampaikan hadiah2 yang sama di-Klinik Sengkuring. Gambar bawah sekali (kanan) ibu2 di-Pekan Tutong dan di-sekitar-nya dalam suatu majlis menyampaikan hadiah kenang2an dalam kempen pemberian susu ibu.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 1HB. NOB.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "The Galileo Seven"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.11 STAR TREK — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.15 RICH MAN POOR MAN — Episod 16
Sementara hubungan Rudy dan Kate bertambah mesra di-Aspen, Falconetti dan Estep bersatu tenaga untuk mempercepatkan lagi kehanchoran Rudy.
- 7.21 AZAN ISHA
- 7.25 RICH MAN POOR MAN — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 BEWITCHED — "Hippie, Hippie, Hooray"
- 9.00 SHOW OF THE WEEK — "James Last Star Parade"
- 9.50 PERLAWANAN GUSTI
- 10.50 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 2HB. NOB.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS — "What Goes Up"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.10 VALLEY OF THE DINOSAURS — sambongan
- 6.30 THE SECRET OF ISIS — "Year of the Dragon"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.15 HOW THE WEST WAS WON
- 7.21 AZAN ISHA
- 7.25 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DOKUMENTARI MELAYU — Audubon Wildlife Theatre "Scandinavian Saga"
Dua orang jurugambar musim panas menggambarkan pemandangan2 yang paling menarik dalam kehidupan liar di-negeri2 Scandinavia. Ranchangan ini memperlihatkan berbagai jenis



NICHOLAS Jones memegang peranan sebagai Kapten Triggers, sa-orang Jurulatch penerbangan dalam "WINGS" siri baru RTB mengenai juruterbang2 muda Perang Dunia Pertama. Ranchangan kedua siri ini akan dapat di-saksikan pada hari Isnin jam 10.20 malam.

binatang2 dan burung2 yang terdapat di-negeri2 ini.

- 9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.30 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 3HB. NOB.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.17 AL-KESAH — "Si Hitam" Bahagian I
- 5.30 PADDINGTON BEAR
- 5.40 THE LEARNING TREE
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
Mengandongi antara lain ia-lah lagu "Oh, Kanak2" di-nyanyikan oleh Ak. Sallehan.
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.11 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
- 6.30 THE MUPPETS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.15 TELEMATCH
- 7.21 AZAN ISHA
- 7.25 TELEMATCH — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.30 SEKITAR TANAH AYER
- 9.00 THE ROLF HARRIS SHOW



GEORGE Peppard (kanan) sa-bagai Dr. Jake Goodwin dan Victor Campos sa-bagai Dr Felipe Ortega dalam DOCTORS' HOSPITAL pada hari Sabtu jam 7.10 malam. Episod minggu ini dengan kisah "Knives of Chance", di-mana sa-orang doktor bedah, Dr Perry Wells, menghadapi kesulitan. Ia

bekerja bagi Dr Goodwin, dan oleh kerana terlalu banyak kerja, ia telah membuat satu kesilapan dalam menentukan sa-jenis penyakit. Ada-kah ia berkebolehan untuk menjadi sa-orang doktor? Dr Ortega tidak berpendapat begitu.

9.30 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW

Tetamu2-nya termasuklah the Flirtations dengan bunyi2an mereka yang menarik dan pakaian yang berkilauan dan permainan piano oleh Dennis King.

- 10.15 QUINCY — "The Hot-Dog Murder"
- 11.05 NIGHT GALLERY
- 11.55 SIARAN TAMAT.

SABTU — 4HB. NOB.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE LOST ISLAND — "Malo"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 CHILDREN'S FEATURE — "The Copter Kids"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.11 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.10 DOCTORS' HOSPITAL — "Knives of Chance"
- 7.21 AZAN ISHA
- 7.25 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
- 8.00 HIBORAN DARI HELLO 78
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 STARKY AND HUTCH — "Class in Crime"
- 9.35 PREMIER SOCCER
- 10.25 TAYANGAN MALAM SABTU — "Crunch"
Sa-buah drama polis mengesahkan tentang Richard Blackstone, sa-orang pegawai polis Los Angeles yang di-kenali sa-bagai "Crunch"
- 11.25 SIARAN TAMAT.

AHAD — 5HB. NOB.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 CHOMAT DAN CHOMEL "Berpasar"
- 5.45 DAISY DAISY
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 ATOM ANT — "Go West Young Ant"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.11 ATOM ANT — sambongan
- 6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "The Horseman"

MALAM

- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.10 THE INCREDIBLE HULK
- 7.21 AZAN ISHA
- 7.25 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.00 SING OUT WITH THE SETTLERS
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MARI GEMBIRA — Hiboran dengan S. Ros, Zaini dan Gillen, Hamidah Jamudin dan lain2.
- 9.20 ANNA KARENINA — Episod ketiga
Meneruskan siri yang mengandongi sa-puluh bahagian mengesahkan tentang pelakun wanita utama Tolstoy yang romantik, yang terpaksa memilih di-antara suami dan kekasih.
- 10.10 THE COLLABORATORS — "All My Love Jennie"
- 11.10 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 6HB. NOB.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "Freedom Flight"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.11 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.10 CHARLIE'S ANGELS — "Angels on Ice" — Bahagian kedua
Siri terakhir dalam episod ini.
- 7.22 AZAN ISHA
- 7.26 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.00 KEBUN KITA — Lada dan Daun Saderi
- 8.30 MAJALLAH BERITA
- 9.00 BAHAS
- 9.30 BIG HAWAII — "The Trouble with Tina"
Tina Munson, gadis jelita berusia 15 tahun yang terlalu manja, menudoh Mitch merogol-nya.
- 10.20 WINGS — "Never Turn Back"
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SELASA — 7HB. NOB.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.11 SESAME STREET — sambongan

MALAM

- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
- 7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — "The Hardy Boys and Nancy Drew Meet Dracula" — Bahagian pertama,
- 7.22 AZAN ISHA
- 7.26 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
- 8.00 SERIKANDI — Kembali menemui awda
- 8.30 MAJALLAH BERITA
- 9.00 ARENA SOKAN — "Kejohanan Bola Keranjang Sa-Negeri."
- 9.40 THE PROFESSIONALS — "Where the Jungle Ends"
- 10.30 DOCUMENTARY: World of Survival "Eagle Come Home"
- 11.20 SIARAN TAMAT.



PELAKUN undangan Wynn Irwin dan pelakun Jack Klugman (kanan) dalam satu adegan dari "The Hot Dog Murder", episod minggu ini dalam siri QUINCY.

RANCHANGAN HARIAN BARU BERMULA BULAN INI

SUSUNAN ranchangan talivishen RTB akan berubah sedikit mulai 4hb Nobember. Waktu siaran berita utama kedua2-nya di-ubah — berita dalam bahasa Inggeris akan di-siarkan pada pukul 6.55 pada tiap2 malam dan berita dalam bahasa Melayu di-siarkan pada pukul 8.30 malam pada tiap2 hari Sabtu dan Ahad.

Satu lagi perubahan ranchangan Majallah Berita ini merupakan champoran dari kedua2 ranchangan ini, tetapi dengan lebih menitik-beratkan berita2 tempatan dan liputan yang lebih baik akan kejadian2 yang berlaku di-Brunei. Mithal-nya, kami berharap untuk memasukkan satu acara tetap dalam ranchangan ini yang di-beri nama Diary Majallah Berita, untuk memaalamkan kepada penunton2 mengenai kejadian2 yang berlaku di-Brunei.

Achara ini akan menjadi acara yang berfaedah kerana ia memberikan liputan mashuarat2, perlawanan2 sokan, pesta2 dan keramaian2 yang mungkin para penunton ingin hadhiri sa-bagai meluangkan waktu. Kami juga akan memasukkan laporan2 mengenai majlis2 persandingan pada penghujung minggu, jika penunton2 meminati-nya. Sa-siapa sahaja yang mengelolakan sa-suatu acara dan berkehendakkan pelawat2 atau penunton2 menghadhiri-nya, ada-lah di-alu2kan untuk menghubungi penerbit Majallah Berita,

"Ranchangan baharu ini akan menggantikan Sekitar Tanah Ayer dan Intisari, yang akan di-tamatkan siaran-nya," demikian menurut Ak Othman. "Kami berharap agar



PERUBAHAN SA-CHARA RENGKAS

BERITA BAHASA INGGERIS di-siarkan jam 6.55 pada tiap2 malam.
BERITA BAHASA MELAYU pada hari Sabtu dan Ahad jam 8.30 malam.
MAJALLAH BERITA pada tiap2 hari Isnin hingga Jumaat jam 8.30 malam.
KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA pada tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan Ahad jam 5.15 petang dan pada hari2 lain jam 5.45 petang.
KEBUN KITA pada tiap2 hari Isnin jam 8.30 malam.
SERIKANDI pada hari Selasa jam 8.00 malam.
ARENA SOKAN pada tiap2 hari Selasa jam 9.00 malam.

RTB, Bandar Seri Begawan atau talipon 23111 sambong 232. Berikan butir2 mengenai tarikh-nya, dan ada-lah lebih elok jika butir2 itu di-berikan terlebih awal — mana tahu, kami berhadang pula untuk menghantar sa-buah film crew!"

LAIN2 PERUBAHAN

Ada terdapat juga sedikit perubahan pada susunan ranchangan talivishen mulai minggu ini. Mulai dari-

pada hari Sabtu, 4hb Nobember, ranchangan Koran akan di-siarkan sa-baik2 sahaja sa-lepas Pembukaan pemancharan pada jam 5.15. Ranchangan berchuchok tanam yang popular, Kebun Kita akan di-ubah dari hari Selasa ka-hari Isnin pada jam 8.00 malam, dan ranchangan majallah wanita yang digemari ramai akan kembali sa-lepas berchuti untuk menemui penunton2 nya pada waktu tetap yang baharu ia-itu Selasa jam 8.00 malam. Arena Sokan juga di-ubah ka-hari Selasa dengan waktu pemanchar-

an yang baharu ia-itu jam 9.00 malam. Ini ada-lah untuk memberikan lebih banyak masa lagi untuk menyediakan acara2 utama sokan pada penghujung minggu.

DALAM ranchangan baharu Majallah Berita yang akan di-siarkan pada hari Isnin, 6hb Nobember nanti, Awda penunton akan dapat mengikuti laporan perlawanan Badminton Dunia di-mana Brunei telah menghantar beberapa orang pemain2-nya.

Awang Rahim Walli yang berada di-Bangkok akan menghantar berita2 perlawanan itu melalui talipon sa-chara terus-menerus pada malam siaran pertama MAJALLAH BERITA itu.

Gambar ini ia-lah sa-bahagian dari pemain2 dan pegawai2 yang akan pergi ka-Bangkok.

The Nancy Drew and Ha



"Freedom Flight"

LITTLE House on the Prairie — Isnin 6hb Nobember jam 6.00 petang. Dalam episod minggu ini "Freedom Flight" Charles Ingalls chuba untuk menolong sa-kumpulan kecil Indian untuk lari dari beberapa orang bandar Walnut Grove bersenjata yang jahat — dan menyebabkan bahaya kepada keluarga-nya.

Ketegangan terjadi di-Walnut Grove bilamana Little Crow, ketua sa-kumpulan Indian ini tiba di-bandar untuk mendapatkan bantuan perubahan bagi bapa-nya yang sakit tenat, Chief Long Elk, orang2 bandar itu yang terkenangkan kesah dahulu mengenai permusohan di-antara orang2 puteh dan orang2 Indian, lengkap dengan senjata bertujuan untuk menyerang orang2 Indian itu.

Gambar kiri menunjukkan Charles Ingalls menolong Spotted Wolf (tengah) dan

Little Crow, ahli2 kumpulan Indian, dalam kesah "Freedom Flight", episod minggu ini dalam Little House on the Prairie.

Pengumuman dari Jabatan Kejuruteraan

SEMUA Perkhidmatan2 Penyiaran di-Asia, Australia, Afrika dan Eropah di-kehendaki untuk membuat beberapa perubahan pada gelombang2 sederhana mereka. Perubahan2 gelombang pada Perkhidmatan2 Radio Brunei bahagian Melayu dan Inggeris/China akan di-mulakan serentak pada hari Khamis 23hb Nobember jam 9.00 pagi.

Butir2 penoh mengenai perubahan2 ini akan di-umumkan lagi nanti dan juga akan di-siarkan di-Pelita dan lain2 akhbar tempatan. Bagaimana pun untuk memudahkan kerja2 kejuruteraan awalan, satu perubahan besar sementara akan di-buat pada 1hb Nobember. Perubahan semen-

tara ini akan melibatkan pendengaran Melayu di-daerah2 Tutong. Pada masa ini pendengar2 di-Tutong menerima ranchangan mereka me-580 kilohertz atau 517 metre, tetapi pada 1hb Nobember hingga 23hb tok mengikuti Perkhidmatan Melayu siaran ini akan dapat di-ikuti me-1240 kilohertz atau 242 metre. Iktu-lah siaran ini melalui gelombang 242 kilohertz atau 242 metre.

Kami minta ma'af atas perub-





WORLD OF SURVIVAL

World of Survival adalah dokumentari yang akan ditayangkan pada malam 7hb November, 1978. Sa-tiap rancangan ini akan menunjukkan beberapa jenis binatang seperti gorila, harimau, labah-labah, dan lain-lain. Rancangan ini akan ditayangkan pada malam 7hb November, 1978. Sa-tiap rancangan ini akan menunjukkan beberapa jenis binatang seperti gorila, harimau, labah-labah, dan lain-lain.

telah menetap di-sa-buah negeri baharu. Tetapi bila negeri ini semakin meningkat maju sebagai sa-buah negara yang besar dan kukuh, Helang Berkepala Botak ini sering menjadi mangsa dalam mengejar kemajuan. Hutannya belantara semakin berkurangan dan burung-burung helang yang tidak mempunyai rumah ini semakin sedikit bilangannya hingga-lah ia menjadi jenis binatang yang terancam bilangannya.

Walau pun ia merupakan lebih dari sa-buah filem kehidupan liar, ia mengandungi penggambaran2 unik burung-burung helang liar di-dalam sarang mereka. Belum pernah filem yang digambarkan dengan jarak dekat bagi burung-burung yang gagah ini di-buat dengan begitu lengkap sekali. Rancangan yang sungguh2 istimewa ini memperlihatkan kisah lalu yang gemilang, masa kini yang belum dapat di-tentukan dan masa hadapan yang penuh dengan harapan mengenai burung yang menakutkan ini.


ena Soka

Ini para peminat arena berpeluang menyaksikan Bola-Keranjang Sa-Negeri di-gelanggang Persatuan China, Seria. Rancangan dapat di-ikuti pada malam 9.00 malam.

ys Mysteries



SIRI ini kembali menemui para penunton mulai hari Selasa 7hb November jam 7.10 malam dan Nancy Drew, yang di-lakunkan oleh Pamela Sue Martin (atas kiri) dan The Hardy Boys — Shaun Cassidy (tengah) dan Parker Stevenson — akan chuba untuk menyelesaikan lebih banyak lagi misteri2.



'JAMBORI Di-Udara' berlangsung pada 22hb dan 23hb Oktober, 1978, di-Padang Sekolah Inggeris Berakas.

Wakil RTB, dalam gambar ini, ia-lah Dayang Viviyanti Ali, pegawai rancangan dari Bahagian Inggeris bertemu-ramah dengan Awang Ahmad Dato Md Noor, salah sa-orang dari Pesuruhjaya Pengakap, mengenai dengan Jambori tersebut.

Bahagian Melayu Radio Brunei, telah merakamkan dan menyiarkan ucapan2 dari temasha tersebut melalui rancangan Harian Radio.

TAMAN MEKAR

SA-BUAH lagi rancangan radio yang di-terbitkan dari Bahagian Melayu Radio Brunei, yang khas untuk kanak2 di-tanah ayer, ia-lah ruangan 'Taman Mekar'.

Minggu ini, Kakak Jamilah Abdullah, penerbit rancangan tersebut akan membawa adek2 sekalian mengikuti kunjungan ka-Tabika Nusa Laila Puteri di-Jalan Berakas, bacaan sa-buah Sajak dari adek Dk Monira Pg Mohiddin, sa-buah cerita yang bertajuk 'Malang Tidak Berbau' yang di-hasilkan oleh adek Rojeainah Daud yang sedang menuntut di-Sekolah Perseediaan Inggeris Kiudang, Tutong dan akhir-nya adek2 akan di-hiborkan oleh kawan adek2 Zanariah Bagul yang telah di-undang datang ke-Studio untuk menyampaikan lagu 'Pendekar Sakti'.

Begitu-lah intisari kenderaan 'Taman Mekar' yang akan dapat adek2 ikuti minggu ini.


Jangan lupa, masa siarannya ia-lah pada hari Ahad, 5hb November, 1978, jam 9.30 pagi.

Charlie's Angels siri terakhir


JACLYN Smith, Kate Jackson dan Cheryl Ladd, pelakon2 utama dalam Charlie's Angels.

Dalam rancangan terakhir minggu ini, siri yang penuh dengan aksi ini mengikuti kegiatan tiga orang detektif wanita yang jelita. Mereka bekerja pada sa-orang ketua yang kaya raya bernama Charlie bagi sa-buah firma penyiasatan. Dalam bahagian kedua, "Angels On Ice", ketiga2 wanita Angel ini chuba menchari tiga orang yang hilang.

Rancangan ini akan di-tayangkan pada hari Isnin jam 7.15 malam.



SIRI Kebun Kita kali ini mengutarakan lagi tanaman di-dalam pasu dan kotak, ia-itu lada dan sadri (gambar2 atas) untuk keperluan dapur bagi mereka yang tinggal di-Kampung Ayer atau rumah2 flet dan tidak mempunyai tanah untuk berkebun. Sa-lain daripada itu, awda penunton juga di-tunjukkan cara2 membaja dan mengawal tanaman2 dalam pasu.



DAUN SADRI

SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan

ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30 — Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan

ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.15 — Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. T/HARI: 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwar Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

APA PILEHAN AWDA



DAYANG Fatimah bte Bakir (gambar atas), yang beralamat No 88 Kampong Saba Laut, Bandar Seri Begawan telah di-undang untuk memilih lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Fatimah akan dapat di-ikuti melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 3hb Noverber, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangannya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi

JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan

ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Untuk kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilihan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30 — Hidayat (SU). T/HARI: 12.00 — Permainan gambus (SU); 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan

ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonweath; 9.30 — Apa pilihan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). T/HARI: 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian

Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh Perindu; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.30 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan

ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; T/HARI: 12.00 — Sandiwar radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara parajurit — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan

ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama;

7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandung irama. T/HARI: 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar; 9.00 — Untuk kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan

ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampaian London (SU); 9.45 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Senandung ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Puspagam; T/HARI: 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — The Young Sound with Tajul Ahmad. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Date-line; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Word (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper, (Programme 1) "The General Paper" (repeat); 9.00 — What's Wrong with me, Doctor? by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music for easy listening by Hishamudin Yaakub; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —

The General Paper (repeat). NOON: 12.00 Our Brunei PM: 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Lettermen live in Japan; 8.30 — Di Finlay's Casebook; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — Date with Adem Wade; 10.30 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Sweet and Stylish; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. NOON: 12.00 — Steptoe and Son; 12.30 — News; 12.45 — "Doors to Opportunity" by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of the Pops; 8.30 — Just For Variety by Jaafar Yaakub; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The General Paper (Programme 2) "Scientist of Social Responsibility" (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Hot Question Cool Replies — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening An-


nouncement — The Musical Dairy by Nafisah Haji Ali; 8.30 — English Debating Competition for Secondary Schools. 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — 82nd Season of Henry Wood Promenade Concerts; 10.30 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round... an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. NOON: 12.00 — English Debating Competition for Secondary Schools (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat); 9.00 — Hot Question Cool Replies (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Doors To Opportunity by Jaafar Yaakub; 9.45 — Theatre Forty-Five "On A Day In Summer In A Garden by Don Haworth"; 10.30 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sport Magazine. NOON: 12.00 — Top of the Pops. PM: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me, Doctor (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Supertramp" Side 1; 8.30 — It's All Yours by Veronica Shim; 9.00 — Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.





DUA buah kapal dari pasokan ronda Angkatan Laut Diraja British yang berpangkalan di-Hong Kong, HMS Yarnton dan HMS Wasperton telah tiba ka-negeri ini dalam lawatan muhibbah pada pagi Jumaat yang baru lalu.

Kapal2 tersebut yang berlaboh di-der-
maga Kastam Bandar Seri Begawan telah
berada di-negeri ini sa-lama tiga hari sa-
bagai sa-bahagian dari lawatan-nya ka-
negara2 Asia Tenggara dan kali ketiga
kapal tersebut membuat lawatan ka-negeri
ini sejak sepuluh tahun lalu.

Ketibaan kapal2 itu di-dermaga Kastam ibu negeri telah di-sambut oleh anggota2 dan pegawai2 pasokan AMDB dengan di-iringi oleh permainan pancharagam pasokan tersebut.

Beberapa ator-chara telah di-buat sepanjang lawatan kapal itu termasuk melawat rumah panjang dan mengadakan perjumpaan bagi kanak2 di-kapal tersebut. Kapal itu juga telah menjadi kunjungan orang ramai pada hari Ahad lepas dan ia-nya telah meninggalkan negeri ini pada Isnin kelmarin.



Kapten Embran, berusia 28 tahun sa-belum ini telah pernah memegang beberapa jawatan antara-nya Pegawai Semboyan, Pegawai Pemerintah Platon, Pega-

wai Pemerintah Kedua
Kompeni 'A' Battalion Per-
tama dan Pegawai Meme-
rentah Tugas2 Khas.

Beliau telah mula berkhidmat dengan Pasokan AMDB pada bulan Januari, 1971 dalam mana sepanjang perkhidmatan-nya beliau pernah menjadi seorang jurulatih di-pasokan tersebut di-Perkhemahan Bolkiah.

Kaptan Embran telah juga mengahdhiri beberapa kursus ketenteraan di-sebe-
rang laut termasuk di-
United Kingdom dan Singa-
pura.

Jawatan yang beliau pegang ketika ini ialah sebagai menggantikan Kapitan Jaapar bin Hj Abd Aziz untuk selama dua tahun.

A black and white photograph of a young man with dark hair, wearing a light-colored short-sleeved shirt, sitting at a desk in a laboratory. He is looking down at a piece of electronic equipment on the desk, with his hands near it. The desk is cluttered with various electronic instruments, including a large oscilloscope with a screen and multiple knobs, and several smaller units. In the background, there are more pieces of equipment, some on shelves, and a large, dark, cylindrical object, possibly a vacuum tube or a component of a larger machine. The overall scene suggests a technical or scientific environment from the mid-20th century.

OLEH kerana sistem senjata moden akan di-gunakan, Askar Melayu Diraja Brunei menghendaki dengan segera rekrut2 yang sesuai untuk latihan sa-bagai Pertukangan Jurutera.

Rekrut2 ini akan menerima latihan akademik dan peralatan di-Brunei, Singapura dan United Kingdom. Sa-lepas menamatkan latihan mereka akan bertanggung-jawab untuk memelihara dan membaiki alat2 senjata pertemporan yang kompleks seperti helikopter, kapal2, peluru berpandu, kereta2 kebal, penangkis kapal terbang yang berpandu, senjata2 meriam yang sedang di-gunakan atau akan di-gunakan di-dalam AMDB.

Sa-bagai menghargai ka-atas kemahiran2 mereka itu mereka akan di-bayar gaji pertukangan khas mengikut kebolehan. Sa-lain dari itu mereka akan menerima semua elaun2 dan faedah2 yang biasa di-terima bagi soldadu2 yang berkhidmat di-AMDB saperti elaun chatuan, elaun tinggal di-luar dll.

KELULUSAN YANG DI-KEHENDAKI

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat DYMM Sultan dan berumur di-antara 17½ dan 25 tahun dan terdiri daripada Bangsa Melayu ia-itu dari kaum jati puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

Berikut ada-lah kelulusan yang di-kehendaki :

- a. **Untok Pertukangan Tekneshen.** (Marine Artificer, Radio dan Radar Tekneshen, Tekneshen Kapal Terbang dll) — Lulus Sijil Pelajaran Brunei perengkat biasa di-dalam Ilmu Hisab, Ilmu Fizik (atau Ilmu Sain) dan Bahasa Inggeris.
- b. **Untok Pertukangan Artisan.** (Mekanik Kenderaan, Pembaiki senjata, Mekanik kapal terbang dll) — Sijil Rendah Pelajaran Brunei termasuk Ilmu Hisab, Ilmu Sain dan Bahasa Inggeris.

[illegible]

Jika KAMU berminat dalam mempelajari satu pertukangan membawa kepada
kerja yang menggembirakan sa-bagai pertukangan jurutera di-AMDB, penohkan
borang permohonan di-bawah dan alamatkan kepada :

Pegawai Pengambilan Rekrut
Askar Melayu Diraja Brunei
Bolkiah Kem, Brunei.
Talipon 23531 Sambongan 01 atau 02

Nama

No Kad Pengenalan Tarikh Lahir.....

Nama Sekolah

Tingkatan.....

Mata Pelajaran Perengkat Biasa dan Keputusan :

Mata Pelajaran SRPB dan Keputusan :

Alamat

No Talipon

Tanda Tangan.....



Pengiran Idriss

PIALA BORNEO 1-3HB DISEMBER

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan bolasepak Piala Borneo antara Sabah, Sarawak dan Negeri Brunei di-jadualkan berlangsung di-sini pada 1hb hingga 3hb Disember, 1978 akan datang. Ini telah di-tegaskan oleh Yang Dipertua Persatuan Bolasepak Negeri Brunei, Pengiran Idriss bin Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad, minggu ini kepada Pelita Brunei.

Negeri Brunei ia-lah sa-bagai tuan rumah Piala Borneo tahun ini sementara Sarawak telah menjadi tuan rumah tahun 1977 yang lalu dan berikunya Sabah di-jangka menjadi tuan rumah Piala Borneo tahun 1979 akan datang.

Piala Borneo sekarang telah di-korbankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Sabah telah menjadi juara Piala Borneo tahun lalu.

Di-Kuching, Setia Usaha Persatuan Bolasepak Sarawak (PBS), Awang Taha Ariffin berkata pasokan bolasepak Sarawak sedang giat menubuhkan sa-buah pasokan bolasepak yang kuat untuk kejohanan Piala Borneo yang akan datang.

Sa-lain dari latehan intensif yang telah pun berlangsung sejak beberapa bulan lalu, pasokan Sarawak akan di-hantar ka-Singapura bulan Nobember depan untuk mengadakan beberapa perlawanan per-

sahabatan di-republik itu, ujar-nya.

Awang Taha Ariffin melahirkan keyakinan-nya yang pasokan bolasepak Sarawak, Sabah dan Negeri Brunei akan dapat menyertai terus kejohanan bolasepak Piala Malaysia tahun hadapan.

Dari Kota Kinabalu dilaporkan, pasokan bolasepak Sabah yang akan mewakili Piala Borneo sedang mengadakan beberapa perlawanan dengan pasokan2 tempatan dan luar negeri, di-bawah arahan jurulatih bolasepak Stanley Chew.

Yunit Simpanan 'A' johan S-Takraw


BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan 'A' Yunit Simpanan telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan sepaktakraw antara bahagian2 Pasokan Polis Diraja Brunei yang telah di-langsungkan di-Pusat Latehan Polis, Jalan Muara, minggu lalu.

Tempat kedua telah di-

menangi oleh Pasokan 'B' Yunit tersebut. Sa-banyak sa-puluh buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan sa-chara kalah mati itu.

Perlawanan tersebut diadakan pada tiap2 tahun bagi merebut piala rebutan yang di-hadiahkan oleh Timbalan Superintendan, Awang Kevin Fung.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Turus Ibupejabat, Superintendan Kanan, Dato Pike. Kelihatan Dato Pike sedang menyampaikan piala kepada johan sepaktakraw antara bahagian2 Pasokan Polis tahun ini (gambar kiri) sementara gambar atas Pasokan 'A' Yunit Simpanan dan 'B' yang menjadi johan dan naib johan. Gambar bawah pula ia-lah suatu pemandangan di-ambil ketika perlawanan tersebut sedang berjalan dengan ranchak-nya.



Perlawanan Ping Pong sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Ping-Pong Amatir Negeri Brunei BATTA — akan menganjorkan perlawanan ping-pong sa-negeri. Ini ada-lah pertama kali-nya persatuan itu menganjorkan perlawanan sa-perti ini sejak ia-nya di-tubuhkan dalam tahun ini.

Setia Usaha Perlawanan menyatakan perlawanan tersebut ada-lah terbuka kepada penuntut2 sekolah, maktab2, persatuan2 belia, sharikat2 perniagaan, jabatan2 dan lain2 pertubuhan awam.

Perlawanan tersebut akan di-adakan dalam dua bahagian ia-itu perseorangan dan bergu, bagi lelaki dan perempuan.

Orang ramai yang ingin untuk memasoki perlawanan tersebut hendaklah terlebih dahulu mendapatkan borang memasoki sa-bagai ahli serta borang2 perlawanan. Borang2 tersebut boleh di-dapati dari Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran, Jalan Sekolah, Bandar Seri Begawan; Penyelia, Pusat Belia; Awang Suhaili bin Lani, Jabatan Pelajaran, Kuala Belait dan Awang Bakar bin Salleh di-alamat Bank Kebangsaan Brunei Berhad, Chawangan Tutong.

Borang2 yang telah di-isikan hendaklah di-kembalikan kepada mereka tidak lewat dari 16hb Nobember, 1978 jam 4.00 petang.

BRUNEI MENYERTAI BADMINTON DUNIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei yang telah di-terima menjadi ahli Pertubuhan Badminton Sa-Dunia sekali lagi di-undang untuk menyertai perlawanan badminton yang akan di-adakan di-Bangkok pada awal bulan depan.

Persatuan itu akan menghantar beberapa orang pemain dan pegawai2. Pemain2 itu ia-lah Awang Mahmud, Ak Ishak, Shamsuddin, Wahab dan Paul Chia. Awang Jaafar Obey dan Tamit Tahmat sa-bagai pemerhati tetapi mengambil bahagian dalam perlawanan persahabatan dengan Royal Navy Badminton Club Thai.

Pemain2 ini akan di-sertai oleh tiga orang pegawai yang terdiri dari Yang Dipertua, Awang Haji Jaafar bin Haji Daud, Pg Haji Mohammad bin Pg Badar sa-bagai Pengurus Pasokan dan Awang Rahim Wali, Setiausaha.

Rombongan ini akan bertolak ka-Bangkok pada petang hari Jumaat, 3hb Nobember dan akan pulang ka-tanah ayer pada hari Sabtu, 11hb Nobember.

Sementara itu, peminat2 badminton yang ingin ikut serta dalam rombongan ini atas perbelanjaan sendiri bolehlah berhubung dengan Pg Haji Mohammad bin Pg Badar, di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari hari ini dan esok.



BOLASEPAK PIALA LIGA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bolasepak Negeri Brunei (BAFA) akan menganjorkan perlawanan bolasepak Piala Liga bagi kali yang kedua. Borang2 penyertaan boleh di-perolehi dari sekarang di-alamat nama2 yang berikut: —

Awang Mohd Yusoff bin Bakar dan Awang Moham-

mad bin Abdullah, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Bandar Seri Begawan; Awang Kamaluddin bin Hitam, Pejabat Daerah Tutong dan Awang Ismail bin Apong, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Kuala Belait.

Borang2 penyertaan itu hendaklah di-kembalikan balek kepada nama2 yang

tersebut, tidak lewat pada 4hb Nobember, 1978.

Tahun 1977 yang lalu, bolasepak Piala Liga itu telah di-menangi oleh Pasokan Kelab Bolasepak Indera sa-telah menewaskan Pasokan Muara United. Ada-lah di-jangka perlawanan Piala Liga pada tahun ini lebeh hebat dan menarek peminat2 bolasepak tanah ayer.



JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkelakuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. JURUTEKNIK MAKMAL/PERCHUBAAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Calon2 untuk di-lantik di-bawah sekim ini hendak-lah sudah mencapai umur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun.

b) Calon2 mesti-lah mempunyai empat 'O' Level. Kelulusan terdiri Bahasa Inggeris dan dua mata pelajaran sains atau lima 'O' Level dengan kelulusan terdiri dari Bahasa Inggeris dan satu mata pelajaran sains.

Gaji:

Dalam sukatan gaji M.3 — \$395-408-421-434-446-459-472 - 491-510-529-548-567-587.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantik dalam perhubungan selama tiga tahun sebagai Juruteknik Makmal Perchubatan dan akan di-hantar ka-seberang laut bagi menjalani latihan dalam perkhidmatan bagi pegawai2 Kerajaan.

Juruteknik Makmal Perchubatan akan di-kehendaki lulus peperiksaan ONC/OND atau sebanding dengan-nya semasa

menjalani latihan dalam tempoh perhubungan mereka.

Juruteknik perhubungan yang: (a) telah lulus peperiksaan, dan (b) di-sokong oleh Ketua Jabatan mereka akan layak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlatih.

2. TUKANG TEROPONG PERCHUBAAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

Umor:

Sekurang2-nya 18 tahun tetapi tidak lebih dari 35 tahun.

Tugas2:

a) Mesti-lah mempunyai ke-sanggupan bertugas di-mana2 sahaja kawasan di-Negeri Brunei.

b) Mesti-lah bersedia men-jalankan lain2 tugas men-chegah malaria sebagai-mana yang mungkin di-arahkan oleh Pengarah di-samping tugas2 yang di-sebutkan di-atas.

c) Memeriksa chontoh2 da-rah bagi malaria dan fila-riasis dan membuat kerja2 makmal yang lain.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1 EB. 2-3 — \$ 370-383-395-408-421-434 /EB/ 446-465-485-504-523-

542-561-625-657-689-720 - 752 - 784.

3. TUKANG PENGAMBIL DARAH/PEMBAGI UBAT:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah seku-rang2-nya lulus Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya.

Umor:

Sekurang2-nya 18 tahun tetapi tidak lebih dari 35 tahun.

Tugas2:

a) Mengumpul chontoh2 da-rah bagi parasit malaria dari pesakit2 yang di-shaki dan pekerja2 yang di-datangkan ka-dalam negeri berserta dengan ke-luarga mereka;

b) Membahagi ubat kepada pesakit2.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2-3 EB. 4 — \$357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB /536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan ber-sama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan bo-rang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 aakuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Disem-ber, 1978.

(E/207/60/Pt/3 — Bil: 126/1978)

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by The Chairman of The Tenders Board, at the office of The State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei, from Brunei Registered Class 'A' and 'AX' contractors, up to noon Tuesday 14th November 1978 for:—

NEW R.C. LIFT SHAFTS AND MOTOR ROOMS FOR RANK AND FILE FLATS, DISTRICT POLICE HEADQUARTERS, JALAN STONEY, BANDAR SERI BEGAWAN.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders are to be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of Tenderer.

4. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:

NEW R.C. LIFT SHAFTS AND MOTOR ROOMS FOR RANK AND FILE FLATS, DISTRICT POLICE HEADQUARTERS, JALAN STONEY, BANDAR SERI BEGAWAN.

5. Tender documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Wednesday 1st November 1978 during normal working hours.

6. The Tender Deposit will be \$300.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

7. Tenders to be on the approved form.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Sa-bagai Bidan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkelakuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei; atau yang sebanding dengan-nya, dan mempunyai pengetahuan bahasa Melayu basahan sa-hari2 dengan men-chukopi. Pertimbangan yang sa-wajar-nya akan di-beri ka-pada taraf pelajaran yang di-perolehi.

Keutamaan akan di-beri ka-pada pemohon2 yang bersedia untuk berkhidmat di-kampung mereka sa-bagai Bidan sa-telah mereka berkelakuan kelak.

Pemohon2 hendak-lah ber-umur sekurang2nya, 20 tahun.

Latan:

Calon2 yang berjaya akan men-jalani latihan selama dua tahun di-Sekolah Latehan Perbidanan, Hospital Umom, Bandar Seri Begawan.

Sa-telah genap berlatih se-lama enam bulan, bidan2 yang

tidak mempunyai kemajuan dalam latihan mungkin akan di-tamatkan perkhidmatan me-reka. Mereka di-kehendaki lulus peperiksaan di-akhir tem-poh latihan mereka itu.

Gaji:

Bidan Pelateh: M.1 — \$357-363-370-376-383-389-395 - 402 - 408 /EB /414-421-427-434-440-446.

Bidan Terlatih: M.2 — \$383-395-408-421-434-446-459 - 472 - 485-497-510-523-536-548 /EB /561-574-587-599-612-625.

Bidan2 Pelateh yang di-lantik di-bawah sekim ini la-yak mendapat uniform serta elauan dobi.

Bidan2 terlatih layak untuk di-naikkan pangkat ka-jawatan Bidan (Staff Midwife).

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan bo-rang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan salinan surat2 aakuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Disember, 1978.

(E/299/65 — Bil: 119/1978)

Di-Jabatan Kehakiman, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Kerani/Jurubahasa di-Jabatan Kehakiman, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Persekolahan Brunei Cambridge G.C.E. "O" Level atau kelayakan yang sebanding dan mesti-lah benar2 faham dalam sekurang2-nya tiga logat China, Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB. 4-5 — \$625-657-689-720-752-784 /EB /854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097 - 1122. Gaji permulaan bergan-tong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Calon2 yang bukan raayat

Brunei akan di-tawarkan kon-tek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tem-poh konvek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-telah men-jalani satu tempoh perhubungan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan bo-rang yang boleh di-dapati dari-pada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 aakuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Disem-ber, 1978.

(E/108/73—Bil: 117/1978)

Penolong Pengawas di-Jabatan Pelajaran

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penolong Pengawas di-Jabatan Penjara, Brunei.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan IV dalam bahasa Inggeris dan darjah IV dalam Ba-hasa Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada pe-mohon2 yang mempunyai kelulusan yang tinggi.

b) Berumur di-antara 19 dan 26 tahun.

c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 4 inci.

d) Dada sekurang2-nya 34 inci apabila tidak di-tarek nafas.

e) Tuboh badan yang sehat dan tegap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji P.6 — \$769-838-868-888-913-938-963 - 988-1025-1050-1075-1100 /EB/ 1125-1150-1175-1200.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan ber-sama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan bo-rang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 aakuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Disem-ber, 1978.

(E/291/74 — Bil: 125/1978)

JABATAN SETOR DAN PERBEKALAN NEGARA TAWARAN BIL. 29/77 PENGANGKUTAN DAN PEMUNGGAHAN BIL. 29 TAHUN 1977

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Ta-waran, Brunei di-Pejabat Pe-gawai Kewangan Negara, Ban-dar Seri Begawan sa-hingga 12.00 tengah hari, hari Selasa, 28hb Nobember, 1978 untuk:—

Mengadakan kenderaan (truck) dan buroh2 bagi mengangkut, memuat, me-munggah dan menyusun barang2 kepunyaan Jaba-tan Setor dan Perbekalan Negara, bagi tempoh sa-tahun dari 1hb Januari, 1979 hingga 31hb Disem-ber, 1979.

Butir2 lanjut mengenai sha-rat2 tawaran serta orang Ta-waran boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Setor dan Perbe-kalan Negara, Jalan Gadong, Brunei.

STATE STORES AND SUPPLIES DEPT. TENDER NOTICE No. 30/78 MARINE CARGO INSURANCE FOR GOVT RICE SHIPMENT FOR YEAR 1979 No. 30 OF 1978

1. TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Tuesday 28th November, 1978 for abovementioned.

2. Details regarding require-ments for the Insurance cover are obtainable from the office of the Controller of Govern-ment Stores, Jalan Gadong, Brunei.

TENDER NOTICE

LOT 43

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.

2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Tender Box Berakas Camp by 1000 hrs Friday 10th of November 1978.

3. Tenders received after this time will be rejected.

4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

5. All envelope must be endorsed Lot 43 RBMR.

6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolklah Camp until 1600 hrs Thursday 9th November 1978.

7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

Serial No.	Item	Qty
1.	Table Fans	70
2.	Stand Fans	5
3.	Ceiling Fans	334
4.	Cisterns	8
5.	Baths	5
6.	Kitchen Sink Unit	1
7.	Wash Hand Basins	23
8.	Cooker Kwali	84
9.	Cooker 2 Ring	85
10.	Cooker 2 Plate	7
11.	Cooker 3 Ring	10
12.	Cooker Rice	1
13.	Water Heater	62
14.	Sport Light	18
15.	Switch Main	14
16.	Fitting Fluorescent Light	9
17.	Meattoaster	1
18.	Iron Electric	12
19.	Refrigerant 12v	3
20.	Cooker G.E.C. 12v	2
21.	Scrap Metal	1,497 lbs

SUCCESSFUL TENDERS

1. Reconstruction of roof for loading and unloading area, State Stores — Jan Sea Lan Iron Works — \$47,237.40 — 3 months.
2. Proposed construction of RC drain along Jalan Seria — Sweet Pte Ltd — \$657,612.50 — 6 months.
3. Construction of quarters for Army Garrison at KB — L & L Engineering Corp — \$1,663,058.10 — 12 months.
4. Electrical installation to X-Ray Section, General Hospital — Lobi Elec Co — \$13,769.
5. Electrical installation to Telecoms classroom, Pusat Latehan Teknikal, Jalan Muara — Progress Elec Co — \$4,500.
6. Airport security/pedestrian control (airside/landside barrier) at International Airport — Sung Lee & Chu Const Co — \$11,850 — 4 weeks.
7. Proposed site clearance, earthworks and sea wall etc for Sekolah Menengah Sa Kebun — Lian Heng Const & Transport Co — \$1,315,327.00 — 44 weeks.
8. Air conditioning installation to Intensive Care Unit & Dr Hart's Clinic — Borneo Air Cond & Eng Co — \$89,371.
9. Supply of topsoil to Jerudong Polo Field — Dato Haji Hamidoon — \$2.70 per cubic yards.



Penyampaian hadiah kepada kampung yang berjaya di-pilih sa-bagai kampung yang bersih pada hari Sabtu lalu.

KG PERPINDAHAN DUHUN DI-PILEH SA-BAGAI KAMPONG YANG BERSEH

KUALA BELAIT.—Kampung Perpindahan Duhun, sekali lagi terpilih sa-bagai kampung yang bersih dalam Peraduan Kebersihan Kampung2 Daerah Belait yang telah di-adakan sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang ke-32 pada Julai yang baru lalu.

Ini-lah kali kedua kampung tersebut mendapat tempat pertama dalam peraduan itu sejak ia di-adakan pada tahun lalu. Tempat kedua di-menangi oleh Kampung Perpindahan Seria dan tempat ketiga Kampung Lumut.

Kampung2 yang berjaya dalam peraduan tersebut telah menerima hadiah yang berupa alat penyembor ubat dan beberapa hadiah lain yang disumbangkan oleh Kelab Rotary Belait.

Menyampaikan hadiah2 disatu upacara rengkas di-Peja-

bat Daerah Belait di-sini. Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pg Omar bin Pg Sabtu mensifatkan Kelab Rotary daerah itu ada-lah satu2-nya pertubuhan kebajikan yang telah banyak menyumbangkan usaha-nya dalam beberapa kegiatan2 kebajikan kepada masyarakat setempat.

Pg Omar berharap supaya persatuan2 belia dan badan2

kebajikan lain yang ada di-daerah itu akan sama2 bergerak dan menyumbangkan bakti mereka seperti yang di-tunjokkan oleh Kelab Rotary bagi kebajikan masyarakat.

Beliau sa-terus-nya berterima kasih kepada kelab tersebut kerana sumbangan-nya memberi hadiah kepada kampung2 berkenaan bagi peraduan yang telah di-adakan itu.

Perkhidmatan Pergigian di-Kampung Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan akan meluaskan perkhidmatan pergigian-nya ka-Kampung Ayer mulai minggu ini. Perkhidmat-

an pergigian itu akan di-adakan di-dua buah klinik saminggu sekali.

Pegawai pergigian serta kakitangan-nya akan berada di-Klinik Kampung Lorong Dalam pada tiap2 hari Isnin dan telah pun di-mulakan pada 30hb Oktober yang lalu.

Perkhidmatan yang sama juga akan di-adakan di-Klinik Kampung Saba (Sungai Kebun) pada tiap2 hari Khamis, yang akan bermula esok, 2hb Nobember.

Orang ramai khas-nya penduduk2 di-Kampung Ayer yang berkehendakan perkhidmatan tersebut boleh-lah pergi ka-klinik2 tersebut pada hari2 yang di-tetapkan. Perkhidmatan tersebut akan di-adakan dari jam 8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari.

Peluang ikuti kursus Juruteknik Talikom

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Pelajaran mempe-lawa raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia samada lelaki atau perempuan untuk mengikuti kursus Juruteknik Talikom City & Guilds yang akan di-adakan di-Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah Kuala Belait mulai bulan Januari depan.

Bagi pemohon2 yang ingin mengikuti kursus T1 hendak-lah lulus peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education atau yang sa-banding dengan-nya dan lulus dalam matapelajaran Mathematics, General Science, bahasa Melayu dan Inggeris.

Matapelajaran yang di-pelajari sa-masa kursus ia-lah Mathematics, Engineering Science, Elementary Telecommunications Practice dan English.

Pemohon2 untuk mengikuti kursus T2 hendak-lah lulus G.C.E. 'O' Level dan lulus matapelajaran Mathematics dan Physics atau lulus Kursus City & Guilds 270/271 tahun pertama (T1) serta mempunyai pengalaman perindustrian.

Pemohon2 yang berjaya di-pilih mengikuti kursus ini akan mempelajari Mathematics 'A', Telecommunications Principles 'A', Radio dan Line Transmission 'A' dan English.

Kedua2 kursus ini ia-itu T1 dan T2 ada-lah berjalan sa-penoh masa sa-lama enam bulan.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Ibu Pejabat Pelajaran Bandar Seri Begawan atau dari Pengetua2 Sekolah Pertukangan atau Sekolah2 Menengah.

Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-hantar kepada Penguasa Pelajaran Teknikal, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 20hb Nobember, 1978.

Thema Hari Pelajar tahun 1978:

"PELAJARAN PENANAMAN MODAL NEGARA"

Dari muka 1

Bagi permohonan ka-Tingkatan IV sa-orang pemohon mesti-lah lulus Brunei Junior Certificate of Education atau yang sa-banding atau mengikut syarat2 naik ka-Tingkatan IV yang di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei. Permohonan2 ka-Tingkatan ini akan di-buka sa-telah di-ketahui keputusan peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education 1978 dan di-tutup sa-lepas dua minggu dari tarikh keputusan peperiksaan tersebut di-umumkan.

Bagi pemohon2 ka-Tingkatan VI Bawah, mesti-lah lulus Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level (Sijil Persekolahan Cambridge) mengikut syarat kelulusan akademik bagi naik ka-Tingkatan VI yang di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei. Permohonan2 di-buka sa-telah di-ketahui keputusan peperiksaan Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level 1978 di-umumkan dan di-tutup sa-lepas dua minggu keputusan peperiksaan itu di-umumkan.

Peminat2 yang dapat memenuhi syarat2 yang telah di-tetapkan sahaja yang di-benarkan menghadapkan permohonan dan sa-tiap permohonan hendak-lah di-buat dalam borang yang di-sediakan. Borang2 tersebut boleh di-dapati daripada Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Pejabat Pelajaran Bandar Seri Begawan; Penyelia Sekolah2 Daerah Belait, Pejabat Pelajaran Kuala Belait dan Penyelia Sekolah2 Daerah Tutong, Pejabat Pelajaran, Tutong.

Borang2 permohonan yang telah sempurna di-isikan hendak-lah sampai tidak lewat dari tarikh tutup yang telah di-tetapkan dan di-alamatkan kepada Setia Usaha Jawatankuasa Dermasiswa, Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan.

Minggu Kesihatan berjaya

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pemangku Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Y.B. Dato Paduka Dr Haji Johar bin Dato Haji Nordin mensifatkan Minggu Kesihatan yang telah berakhir dengan rasmi-nya pada hari Ahad lalu telah mendapat kejayaan dan sambutan menggalakkan.

Kejayaan itu, tegas beliau ada-lah atas kerjasama yang di-berikan oleh seluruh lapisan masyarakat di-negeri ini sa-masa Minggu Kesihatan itu di-jalankan.

Beliau juga menyeru orang ramai supaya sentiasa menjaga kebersihan sekeliling pada sa-tiap masa agar taraf kesihatan di-negeri ini akan terpelihara.

Minggu Kesihatan yang julong2 kali-nya di-anjarkan oleh Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan itu telah di-adakan sejak 23hb Oktober yang tujuan-nya antara lain untuk mengujudkan satu keadaan sekitar yang sihat di-negeri ini sa-bagai satu asas bagi kesihatan kebangsaan.

Sa-panjang Minggu Kesihatan itu di-adakan beberapa kegiatan membersehh beberapa kawasan telah di-lancarkan oleh ahli2 pertubuhan belia, jabatan2 Kerajaan dan orang ramai.

Pengharaman

impot ternakan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Pertanian Bahagian Haiwan telah mengharamkan impot binatang2 ternakan, susu mentah dan daging dari Malaysia. Pengharaman itu ia-lah berikutan dengan merebak-nya wabak penyakit kaki dan mulut di-Malaysia Barat.

Semua kebenaran impot barang2 yang di-keluarkan sebelum-nya juga di-batalkan buat sementara.

Dari muka 1

mengechat dan menghias dan juga kemahiran dalam kerja2 pemasangan dan pengolahan saloran2 paip ayer.

Tidak saja mengadakan pertunjukan, pelajar2 juga akan memperlihatkan tunjok chara sa-chara langsung dalam bidang2 pengajaran yang mereka ambil sa-lain dari orang ramai berpeluang menyaksikan tayangan filem dan slide serta che-mamah2 tentang pengajaran2 yang di-berikan di-sekolah itu.

Pegawai2 dan guru2 serta pelajar2 di-sekolah itu juga akan bersedia memberikan penerangan2 kepada siapa saja yang ingin tahu tentang aspek2 yang bersangkutan dengan pelajaran di-sekolah itu.

Orang ramai tidak saja akan dapat menyaksikan kegiatan2 yang ada di-sekolah itu, tetapi juga akan berpeluang melihat beberapa pertunjukan kerjaya dari beberapa buah Jabatan Kerajaan terutama-nya angkatan bersenjata negeri ini.

Di-luar bangunan sekolah itu, chawangan udara Askar Melayu Diraja Brunei akan mempertunjukkan pesawat helikopter sa-lain dari pertunjukan pencharagam pasukan itu.

Pulis Diraja Brunei akan mempertunjukkan bot ronda sa-lain dari pameran dari Chawangan Chap Jari dan lain2.

Perkhidmatan Bomba di-Penerbangan Awam juga akan mempertunjukkan kelengkapan2 bagi menchehag kebakaran termasuk peralatan2 yang baru dan moden.

JANGAN MENJADI SI-PENGUTOR

